

# Raja Perlis ketuai tanam 1,000 pokok Harumanis

um/21.5.12/911/AT/PS - Raja Perlis

PADANG BESAR 20 Mei - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini berkenan mengetuai program menanam pokok mangga Harumanis sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-69 baginda di Dataran Pertumbuhan Peladang Kawasan (PPK) Berseri di Jalan Kaki Bukit di sini.

Program itu melakar sejarah tersendiri apabila dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records* iaitu melibatkan penanaman 1,000 pokok mangga Harumanis secara serentak di tiga kawasan Parlimen iaitu Padang Besar, Kangar dan Arau.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil juga berkenan menanam pokok berkenaan.

Sebelum itu, Raja Perlis mengisytiharkan mangga Harumanis Per-

lis sebagai harta intelek yang telah diwartakan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada upacara gimik memecahkan ukiran bongkah air berbentuk mempelam yang mengandungi plak tertera perkataan Harumanis Perlis.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Md. Isa Sabu.

Pada program itu, 700 pokok mangga ditanam di Padang Besar dan masing-masing 150 pokok lagi di Parlimen Kangar yang disertai oleh Ahli Parlimennya, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad di Kampung Hutan Ketiu manakala di Arau pula oleh Ahli Parlimennya, Datuk Ismail Kassim di Kampung Seri Gelam.

Pengesahan rekod itu dibuat oleh pegawai *Malaysia Book of Records*, Zulhairi Md. Zain.

Dalam titah perasmian baginda, Raja Perlis berharap program me-

nanam 1,000 pokok mempelam itu akan meningkatkan lagi industri tanaman berkenaan di negeri itu.

"Beta juga berharap lebih ramai lagi rakyat negeri ini meminati dan menceburkan diri dalam industri penanaman mempelam Harumanis," titah baginda.

Baginda bertitah, Harumanis Perlis menjadi identiti unik yang meningkatkan imej negeri itu kerana selain rasanya enak, buah yang dikeluarkan secara bermusim menyebabkan ia muncul sebagai tanaman eksotik atau elit di Perlis.

Baginda juga bangga dengan penganugerahan sijil harta intelek mangga Harumanis Perlis oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia kerana dengan itu tiada pihak yang sewenang-wenangnya menggunakan nama mempelam itu untuk menipu pelanggan.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan menanam pokok mangga Harumanis pada Program Gerakan Menanam 1,000 Pokok Mangga Harumanis Secara Serentak di Padang Besar, Perlis, semalam. - UTUSAN/FAIZAL ABU HASSAN